

Zahidi kena tindakan jika jemput Dr M

PUTRAJAYA: Ketua Umno Bahagian Padang Besar, Perlis, Datuk Zahidi Zainul Abidin, akan dihadapkan ke Jawatankuasa Disiplin parti, jika terus dengan keputusannya menjemput Tun Dr Mahathir Mohamad merasmikan mesyuarat agung bahagian itu bulan depan.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, berkata hanya ahli Majlis Tertinggi (MT), Menteri, Menteri Besar dan ketua bahagian boleh merasmikan mesyuarat agung bahagian Umno, jika pada tahun itu tiada pemilihan dilakukan.

Katanya, bagi tahun ada pemilihan parti pula Radzi berkata, mesyuarat agung hanya boleh dirasmikan ketua bahagian terbabit.

"Saya kecewa dengan Zahidi kerana saya datang dari Perlis. Saya harap dia tidak meneruskannya kerana tindakan itu bukan satu contoh yang baik kepada ahli Umno," katanya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Umno bahagian itu yang mahu menjemput bekas Perdana Menteri merasmikan mesyuarat agung mereka pada 27 Ogos ini.

Zahidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Beseri berkata, keputusan itu diambil bagi memberi peluang kepada Dr Mahathir menyuarakan pendapatnya atas pentas Umno.